

**SOALAN NO: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]**

**TARIKH : 19 MAC 2014**

**SOALAN :**

**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan untuk menubuhkan *Boundary Commission* telah diberikan perhatian oleh Kerajaan termasuk untuk meminda undang-undang pilihan raya yang berkaitan sekiranya perlu.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan Penjalanan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih dan Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahgian-bahagian Pilihan Raya, SPR tertakluk kepada Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan yang mana sebarang cadangan persempadanan semula atau pertambahan kawasan pilihan raya perlu mendapat persetujuan Parlimen selepas ianya dibahas. Kerajaan berpandangan bahawa SPR adalah mampu dan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 1 dan 2, Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna. Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat pada masa ini belum perlu dan sesuai untuk menujuhkan *Boundary Commission*.

Sekian. Terima kasih.